

# **BAB 5**

## **BAB LIMA**

### **KESIMPULAN**

#### **5.0 Pengenalan**

Setelah melalui dua semester melaksanakan disertasi ini, penulis telah dapat melaksanakan semua perancangan seperti yang telah diatur. Semua teori dan pandangan para sarjana bahasa dan linguistik yang didapati telah diulas dan diurai. Bahkan ayat-ayat al-Quran yang telah dikumpul oleh penulis juga telah dianalisis oleh penulis mengikut pandangan-pandangan yang telah diuraikan.

Maka, bab ini pula dikhurasukan untuk menerangkan secara ringkas dan padat hasil dan kesimpulan yang dapat diambil sepanjang penyelidikan ini dilaksanakan. Semua kesimpulan yang dinyatakan di dalam bab ini merupakan intipati kepada penyelidikan ini. Diharap keterangan-keterangan yang dimasukkan dalam bab ini boleh memberi kefahaman secara menyeluruh tentang tajuk Analisis Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan Dalam Al-Quran.

#### **5.1 Kesimpulan Dari Penyelidikan ini**

Penulis akan menerangkan semua dapatan dari penyelidikan ini dan membuat kesimpulannya dalam bentuk carta dan jadual. Semua dapatan dan kesimpulan tersebut akan dibahagikan kepada tajuk-tajuk berikut.

- 1) Jenis-jenis Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan.
- 2) Contoh i‘ra:b atau analisis ayat pujian dan celaan.
- 3) Statistik subjek-subjek pujian dan celaan dalam al-Quran.


## 5.2 Jenis-Jenis Gaya Bahasa Pujian Dan Celaan.

Terdapat tiga jenis KK pujian dan celaan dalam al-Quran, iaitu seperti berikut.

- 1) KK ni‘ma dan bi’sa.
- 2) KK Thula:thiyy Ṣaḥī:h
- 3) KK Thula:thiyy Mu‘tal

## 5.3 Analisis Struktur Ayat Pujian Dan Celaan.

Berikut adalah contoh i‘ra:b ayat pujian dan celaan yang kerap digunakan.



Carta 1 : Contoh I‘ra:b Ayat Ni‘ma

## **5.4 Statistik Subjek-Subjek Pujian Dan Celaan Dalam Al-Quran**

Berikut adalah statistik ayat-ayat pujian dan celaan yang terdapat dalam al-Quran. Bagi memudahkan proses analisis ini, penulis membahagikannya kepada dua iaitu subjek-subjek dalam ayat pujian dan subjek-subjek dalam ayat celaan. Ayat-ayat pujian terdiri dari pada ni'ma dan ḥasuna-ḥasunat manakala ayat-ayat celaan terdiri daripada bi'sa, sa:'a dan kabura-kaburat.

### **5.4.1 Subjek Pujian**

#### **5.4.1.1 Subjek Pujian Dalam Ayat-Ayat Ni'ma**

Terdapat 16 ayat dalam al-Quran yang mengandungi perkataan ni'ma. Enam perkara telah dijadikan subjek pujian dalam ayat-ayat tersebut. Berikut adalah dinyatakan subjek-subjek pujian yang terdapat dalam ayat-ayat tersebut serta bentuk pujiannya.

- 1) Allah swt : 6 ayat

Jadual 5.1 : Ayat-ayat pujian terhadap Allah swt.

<b>Bil</b>	<b>Surah</b>	<b>Ayat</b>	<b>Bentuk Pujian</b>
1	A:li 'Imra:n	173	Sebaik-baik pengurus.
2	Al-Anfa:l	40	Sebaik-baik pelindung dan penolong.
3	Al-Hajj	78	Sebaik-baik pelindung dan penolong.
4	Al-Ṣa:ffa:t	75	Sebaik-baik yang kabulkan doa.
5	Al-Dha:riya:t	48	Sebaik-baik yang menghamparkan.
6	Al-Mursala:t	23	Sebaik-baik yang menentukan sesuatu.

2) Syurga : 5 ayat

Jadual 5.2 : Ayat-ayat pujian terhadap syurga.

<b>Bil</b>	<b>Surah</b>	<b>Ayat</b>	<b>Bentuk Pujian</b>
1	A:li ‘Imra:n	136	Sebaik-baik ganjaran.
2	Al-Ra‘d	24	Sebaik-baik balasan amal di dunia.
3	Al-Kahf	31	Sebaik-baik balasan.
4	Al-‘Ankabu:t	58	Sebaik-baik balasan.
5	Al-Zumar	74	Sebaik-baik balasan bagi orang yang beramal soleh.

3) Para nabi : 2 ayat

Jadual 5.3 : Ayat-ayat pujian terhadap para nabi.

<b>Bil</b>	<b>Surah</b>	<b>Ayat</b>	<b>Bentuk Pujian</b>
1	Şa:d	30	Sebaik-baik hamba.
2	Şa:d	44	Sebaik-baik hamba.

4) Sedekah : 1 ayat

Jadual 5.4 : Ayat pujian terhadap amalan sedekah.

<b>Bil</b>	<b>Surah</b>	<b>Ayat</b>	<b>Bentuk Pujian</b>
1	Al-Baqarat	271	Sebaik-baik perkara/amalan.

- 5) Menunaikan amanah dan berhukum dengan adil : 1 ayat

Jadual 5.5 : Ayat pujian kerana menunaikan amanah dan berhukum dengan adil.

Bil	Surah	Ayat	Bentuk Pujian
1	Al-Nisa:'	58	Sebaik-baik pengajaran.

- 6) Alam akhirat : 1 ayat

Jadual 5.6 : Ayat pujian terhadap alam akhirat.

Bil	Surah	Ayat	Bentuk Pujian
1	Al-Nahl	30	Sebaik-baik negeri bagi orang bertakwa.

#### 5.4.1.2 Subjek Pujian Dalam Ayat-Ayat KK (حسنٌ - حَسْنَتْ)

Terdapat 3 ayat dalam al-Quran yang menyebut (حسنٌ - حَسْنَتْ). Walaubagaimanapun hanya dua ayat sahaja yang merupakan KK pujian. Perkara-perkara yang menjadi subjek pujian dalam ayat KK ini adalah seperti berikut.

- 1) Nabi-nabi, para siddiqiin, orang mati syahid serta orang yang soleh : 1 ayat

Jadual 5.7 : Ayat pujian terhadap para nabi, siddiqiin, orang mati syahid dan orang soleh.

Bil	Surah	Ayat	Bentuk Pujian
1	Al-Nisa:'	69	Sebaik-baik teman.

- 2) Syurga Adn : 1 ayat

Jadual 5.8 : Ayat pujian terhadap syurga Adn.

<b>Bil</b>	<b>Surah</b>	<b>Ayat</b>	<b>Bentuk Pujian</b>
1	Al-Kahf	31	Sebaik-baik tempat berehat.

#### 5.4.2 Subjek Celaan

##### 5.4.2.1 Subjek Celaan Dalam Ayat-Ayat Bi'sa

Terdapat 39 ayat yang mengandungi perkataan bi'sa dalam al-Quran. Sepuluh perkara telah dijadikan subjek celaan dalam ayat-ayat tersebut. Berikut adalah perkara-perkara yang dijadikan subjek-subjek celaan tersebut serta bentuk celaannya.

- 1) Neraka dan neraka Jahannam : 23 ayat

Jadual 5.9 : Ayat-ayat celaan terhadap neraka dan neraka Jahannam.

<b>Bil</b>	<b>Surah</b>	<b>Ayat</b>	<b>Bentuk Celaan</b>
1	Al-Baqarat	126	Seburuk-buruk tempat kembali.
2	Al-Baqarat	206	Seburuk-buruk tempat tinggal.
3	A:li 'Imra:n	12	Seburuk-buruk tempat tinggal.
4	A:li 'Imra:n	151	Seburuk-buruk tempat bagi orang yang zalim.
5	A:li 'Imra:n	162	Seburuk-buruk tempat kembali.
6	A:li 'Imra:n	197	Seburuk-buruk tempat tetap.
7	Al-Anfa:l	16	Seburuk-buruk tempat kembali.
8	Al-Tawbat	73	Seburuk-buruk tempat kembali.
9	Hu:d	98	Seburuk-buruk tempat yang dimasuki.

Jadual 5.9 : sambungan

10	Ra‘d	18	Seburuk-buruk tempat tinggal.
11	Ibra:hi:m	29	Seburuk-buruk tempat tetap.
12	Al-Nahl	29	Seburuk-buruk tempat bagi orang yang sompong takbur
13	Al-Hajj	72	Seburuk-buruk tempat kembali.
14	Al-Nu:r	57	Seburuk-buruk tempat kembali.
15	Şa:d	55	Seburuk-buruk tempat diam.
16	Şa:d	60	Seburuk-buruk tempat tetap.
17	Al-Zumar	72	Seburuk-buruk tempat bagi orang yang sompong takbur
18	Gha:fir atau al-Mu’mīn	76	Seburuk-buruk tempat bagi orang yang sompong takbur
19	Al-Hadi:d	15	Seburuk-buruk tempat kembali.
20	Al-Muja:dalat	8	Seburuk-buruk tempat kembali.
21	Al-Tagha:bun	10	Seburuk-buruk tempat kembali.
22	Al-Taḥri:m	9	Seburuk-buruk tempat kembali
23	Al-Mulk	6	Seburuk-buruk tempat kembali.

- 2) Orang Yahudi/Bani Israel dan perbuatan mereka: 7 ayat.

Jadual 5.10 : Ayat-ayat celaan terhadap orang Yahudi dan perbuatan mereka.

Bil	Surah	Ayat	Bentuk Celaan
1	Al-Baqarāt	90	Perbuatan orang Yahudi yang membeli kesenangan untuk dirinya sendiri dengan mengingkari al-Quran

Jadual 5.10 : sambungan

			sebagai sejahat-jahat perkara yang mereka lakukan.
2	Al-Baqarat	93	Perbuatan orang Yahudi yang menyembah anak patung sebagai seburuk-buruk apa yang disuruh oleh iman mereka.
3	Al-Ma:'idat	62	Perbuatan orang Yahudi dan munafik yang berlumbalumba untuk melakukan dosa, pencerobohan dan memakan benda haram sebagai seburuk-buruk apa yang mereka lakukan.
4	Al-Ma:'idat	79	Perbuatan Bani Israel yang tidak berlarang-larangan (sesama sendiri) dari perbuatan mungkar sebagai seburuk-buruk apa yang mereka lakukan.
5	Al-Ma:'idat	80	Kemurkaan Allah swt terhadap Bani Israel sebagai amatlah buruknya apa yang mereka sediakan bagi diri mereka.
6	Al-A'ra:f	150	Perbuatan orang Yahudi yang membuat anak patung lembu untuk disembah sebagai seburuk-buruk apa yang telah mereka lakukan.
7	Al-Jumu'at	5	Perumpamaan orang Yahudi yang ditugaskan melaksanakan ajaran Taurat tetapi mengabaikannya seumpama keldai yang membawa kitab-kitab tetapi tidak tahu isi kandungannya sebagai seburuk-buruk perumpamaan.

- 3) Perbuatan ahli kitab dan pendeta-pendeta mereka : 2 ayat.

Jadual 5.11 : Ayat-ayat celaan terhadap perbuatan ahli kitab yang menukarkan perjanjian dengan Allah swt kepada faedah dunia.

<b>Bil</b>	<b>Surah</b>	<b>Ayat</b>	<b>Bentuk Celaan</b>
1	A:li 'Imra:n	187	Perbuatan ahli kitab menukarkan perjanjian dengan Allah swt kepada faedah dunia sebagai seburuk-buruk pertukaran.
2	Al-Ma:'idat	63	Perbuatan ketua agama dan pendeta-pendeta (ahli kitab) mereka yang tidak melarang mereka dari mengeluarkan kata-kata dusta dan memakan benda haram sebagai seburuk-buruk apa yang mereka kerjakan.

- 4) Laknat kepada Firaun dan pengikut-pengikutnya : 1 ayat

Jadual 5.12 : Ayat celaan terhadap laknat kepada Firaun dan pengikut-pengikutnya.

<b>Bil</b>	<b>Surah</b>	<b>Ayat</b>	<b>Bentuk Celaan</b>
1	Hu:d	99	Seburuk-buruk pemberian/kurniaan.

- 5) Air minuman neraka seperti tembaga cair: 1 ayat

Jadual 5.13 : Ayat celaan terhadap air minuman neraka.

<b>Bil</b>	<b>Surah</b>	<b>Ayat</b>	<b>Bentuk Celaan</b>
1	Al-Kahf	29	Seburuk-buruk minuman.

6) Iblis : 1 ayat

Jadual 5.14 : Ayat celaan terhadap Iblis.

Bil	Surah	Ayat	Bentuk Celaan
1	Al-Kahf	50	Seburuk-buruk pengganti.

7) Makhluk yang disembah : 1 ayat

Jadual 5.15 : Ayat celaan terhadap makhluk yang disembah.

Bil	Surah	Ayat	Bentuk Celaan
1	Al-Hajj	13	Seburuk-buruk penolong dan sahabat.

8) Syaitan : 1 ayat

Jadual 5.16 : Ayat celaan terhadap syaitan.

Bil	Surah	Ayat	Bentuk Celaan
1	Al-Zukhruf	38	Seburuk-buruk teman.

9) Kefasikan : 1 ayat

Jadual 5.17 : Ayat celaan terhadap kefasikan.

Bil	Surah	Ayat	Bentuk Celaan
1	Al-Hujurat	11	Seburuk-buruk nama selepas iman.

- 10) Ilmu sihir : 1 ayat

Jadual 5.18 : Ayat celaan terhadap ilmu sihir.

Bil	Surah	Ayat	Bentuk Celaan
1	Al-Baqarat	102	Seburuk-buruk pilihan.

#### 5.4.2.2 Subjek Celaan Dalam Ayat-Ayat (كُبْرَتْ - كَبِرَتْ)

Terdapat enam ayat di dalam al-Quran yang mengandungi perkataan (كُبْرَتْ - كَبِرَتْ).

Daripada enam ayat tersebut, hanya tiga ayat sahaja yang mengandungi maksud celaan.

Ketiga-tiga ayat tersebut mengandungi subjek celaan yang berbeza. Berikut adalah ayat-ayat (كُبْرَتْ - كَبِرَتْ), perkara-perkara yang menjadi subjek celaan, dan bentuk-bentuk celaan dalam ayat tersebut.

- 1) Orang yang membantah ayat-ayat Allah swt : 1 ayat

Jadual 5.19 : Ayat celaan terhadap orang yang membantah ayat-ayat Allah swt.

Bil	Surah	Ayat	Bentuk Celaan
1	Ghafir atau al-Mu'min	35	Besar kebencian Allah swt dan kemurkaannya.

- 2) Perbuatan mengatakan sesuatu perkara yang tidak dilakukan : 1 ayat

Jadual 5.20 : Ayat celaan terhadap perbuatan menyatakan sesuatu yang tidak dilakukan.

Bil	Surah	Ayat	Bentuk Celaan
1	Al-Şaff	3	Amat besar kebenciannya.

- 3) Perkataan mereka bahawa Allah swt memiliki anak : 1 ayat

Jadual 5.21 : Ayat celaan terhadap perkataan mereka bahawa Allah swt memiliki anak.

Bil	Surah	Ayat	Bentuk Celaan
1	Al-Kahf	5	Besar (teruk) sungguh perkataan mereka.

#### 5.4.2.3 Subjek Celaan Dalam Ayat-Ayat (ضعف)

Terdapat 1 ayat dalam al-Quran yang mengandungi KK celaan (ضعف). Dalam ayat tersebut Allah swt mencela 2 subjek celaan dengan menggunakan wa:w ‘ataf. Berikut adalah ayat tersebut, subjek celaan dan bentuk celaannya.

- 1) Manusia yang menyembah selain Allah swt : 1 ayat

Jadual 5.22 : Ayat celaan terhadap manusia yang menyembah tuhan selain daripada Allah swt.

Bil	Surah	Ayat	Bentuk Celaan
1	Al-Hajj	73	Selemah-lemah yang meminta.

- 2) Berhala yang disembah dan dianggap sebagai tuhan : 1 ayat (seperti ayat di atas)

Jadual 5.23 : Ayat celaan terhadap berhala atau tuhan yang disembah selain daripada Allah swt.

Bil	Surah	Ayat	Bentuk Celaan
1	Al-Hajj	73	Selemah-lemah yang diminta.

#### 5.4.2.4 Subjek Celaan Dalam Ayat-Ayat (سَاءَ - سَاءَتْ)

Terdapat 23 ayat dalam al-Quran yang mengandungi KK celaan (سَاءَ - سَاءَتْ). Empat belas perkara telah dijadikan subjek celaan dalam ayat-ayat tersebut. Berikut adalah ayat-ayat tersebut, subjek celaan dan bentuk celaannya.

- 1) Neraka dan neraka Jahannam : 5 ayat

Jadual 5.24 : Ayat-ayat celaan terhadap neraka.

Bil	Surah	Ayat	Bentuk Celaan
1	Al-Nisa:’	97	Seburuk-buruk tempat kembali.
2	Al-Nisa:’	115	Seburuk-buruk tempat kembali.
3	Al-Kahf	29	Amatlah buruknya sebagai tempat bersenang-senang.
4	Al-Furqa:n	66	Tempat tetap dan tempat tinggal yang amat buruk.
5	Al-Fath	6	Seburuk-buruk tempat kembali.

- 2) Dosa-dosa : 3 ayat

Jadual 5.25 : Ayat-ayat celaan terhadap dosa-dosa.

Bil	Surah	Ayat	Bentuk Celaan
1	Al-An‘a:m	31	Seburuk-buruk perkara yang dipikul.
2	Al-Nahl	25	Amat buruk dosa yang mereka lakukan.
3	Ta:ha:	101	Amatlah buruknya tanggungan itu bagi mereka pada hari kiamat.

3) Hujan azab : 2 ayat

Jadual 5.26 : Ayat-ayat celaan terhadap hujan azab.

<b>Bil</b>	<b>Surah</b>	<b>Ayat</b>	<b>Bentuk Celaan</b>
1	Al- Shu‘ara:’	173	Amatlah buruknya hujan azab yang menimpa kaum yang telah diberi amaran.
2	Al-Naml	58	Amatlah buruknya hujan azab yang menimpa kaum yang telah diberi amaran.

4) Perkahwinan antara anak tiri dan ibu tiri : 1 ayat

Jadual 5.27 : Ayat celaan terhadap perkahwinan antara anak tiri dan ibu tiri.

<b>Bil</b>	<b>Surah</b>	<b>Ayat</b>	<b>Bentuk Celaan</b>
1	Al-Nisa:’	22	Seburuk-buruk jalan yang dilalui dalam perkahwinan.

5) Syaitan : 1 ayat

Jadual 5.28 : Ayat celaan terhadap syaitan.

<b>Bil</b>	<b>Surah</b>	<b>Ayat</b>	<b>Bentuk Celaan</b>
1	Al-Nisa:’	38	Seburuk-buruk kawan.

6) Membahagikan hasil ternakan untuk Allah swt dan berhala : 1 ayat

Jadual 5.29 : Ayat celaan terhadap perbuatan membahagikan hasil ternakan

untuk Allah swt dan berhala.

<b>Bil</b>	<b>Surah</b>	<b>Ayat</b>	<b>Bentuk Celaan</b>
1	Al-An‘a:m	136	Amat jahat apa yang mereka hukumkan.

- 7) Kaum yang mendustakan ayat-ayat Allah swt : 1 ayat

Jadual 5.30 : Ayat celaan terhadap kaum yang mendustakan ayat-ayat Allah swt.

<b>Bil</b>	<b>Surah</b>	<b>Ayat</b>	<b>Bentuk Celaan</b>
1	Al-A‘ra:f	177	Seumpama anjing.

- 8) Perbuatan menjual ayat-ayat Allah swt dengan harga yang rendah serta menghalang diri mereka dan orang lain dari agama Allah swt : 1 ayat

Jadual 5.31 : Ayat celaan terhadap perbuatan menjual ayat-ayat Allah swt dengan harga yang rendah serta menghalang diri mereka dan orang lain dari agama Allah swt.

<b>Bil</b>	<b>Surah</b>	<b>Ayat</b>	<b>Bentuk Celaan</b>
1	Al-Tawbat	9	Amatlah buruknya apa yang mereka telah kerjakan.

- 9) Hukuman mereka tentang anak perempuan sama ada memeliharanya dalam keadaan hina atau menanamnya dalam tanah : 1 ayat

Jadual 5.32 : Ayat celaan terhadap hukuman atau anggapan mereka bahawa anak perempuan dipelihara dalam keadaan hina atau menanamnya dalam tanah.

<b>Bil</b>	<b>Surah</b>	<b>Ayat</b>	<b>Bentuk Celaan</b>
1	Al-Nahl	59	Sungguh jahat apa yang mereka hukumkan itu.

- 10) Perbuatan zina : 1 ayat

Jadual 5.33 : Ayat celaan terhadap perbuatan zina.

<b>Bil</b>	<b>Surah</b>	<b>Ayat</b>	<b>Bentuk Celaan</b>
1	Al-Isra:	32	Satu jalan yang jahat yang membawa kerosakan.

11) Hukuman atau sangkaan orang yang melakukan dosa bahawa mereka akan terlepas dari azab : 1 ayat

Jadual 5.34 : Ayat celaan terhadap hukuman atau sangkaan orang yang melakukan dosa bahawa mereka akan terlepas dari azab.

Bil	Surah	Ayat	Bentuk Celaan
1	Al-'Ankabu:t	4	Amatlah buruk apa yang mereka hukumkan itu.

12) Pagi atau hari : 1 ayat

Jadual 5.35: Ayat celaan terhadap pagi atau hari.

Bil	Surah	Ayat	Bentuk Celaan
1	Al-Şa:ffa:t	177	Buruklah hari orang-orang yang tidak mengindahkan amaran yang telah diberikan.

13) Andaian orang yang melakukan dosa bahawa mereka adalah sama seperti orang soleh semasa hidup dan selepas mati : 1 ayat

Jadual 5.36 : Ayat celaan terhadap andaian orang yang melakukan dosa bahawa mereka adalah sama seperti orang soleh semasa hidup dan selepas mati.

Bil	Surah	Ayat	Bentuk Celaan
1	Al-Ja:siat	21	Buruk sungguh apa yang mereka hukumkan itu.

## 5.5 Penutup

Penulis telah menyelesaikan penyelidikan ini dengan penuh kesedaran bahawa semua pujian yang Allah swt nyatakan dalam al-Quran ini mengingatkan kita agar sentiasa

berusaha mendekatkan diri kepadaNya. Manakala semua celaan yang lemparkan adalah untuk mengingatkan kita supaya tidak menderhakaiNya kerana azab yang pedih menanti mereka yang dimurkai olehNya.

Sepanjang penyelidikan ini dilakukan penulis mendapati bahawa ayat-ayat pujian dalam al-Quran adalah sebanyak 18 ayat yang terdiri daripada perkataan ni'ma dan ḥasuna-ḥasunat. Perkara yang paling banyak dipuji dalam al-Quran ialah diri Allah swt dan syurgaNya. Allah swt memuji diriNya sebanyak 6 kali yang mana semuanya menggunakan kalimah ni'ma manakala pujianNya terhadap syurga ada 6 ayat di mana sebanyak 5 ayat menggunakan lafaz ni'ma dan satu ayat menggunakan lafaz ḥasuna.

Penulis juga mendapati bahawa ayat-ayat celaan dalam al-Quran lebih banyak dari ayat-ayat pujian. Jumlah ayat celaan dalam al-Quran yang merangkumi ayat-ayat bi'sa, sa':a dan kabura ialah sebanyak 66 ayat. Perkara yang paling banyak di cela ialah neraka khususnya neraka Jahannam iaitu 28 ayat. Manakala bangsa Yahudi atau Bani Israel merupakan bangsa yang paling banyak dicela iaitu sebanyak 8 kali.

Tedapat 8 ayat al-Quran yang mengandungi frasa yang menyerupai KK pujian dan celaan. Walaubagaimanapun beberapa pentafsir al-Quran menyatakan bahawa ayat-ayat tersebut tidak megandungi makna pujian atau celaan mahupun takjub.

Semua pujian dan celaan Allah swt ni sepatutnya menjadi panduan kepada kita agar sentiasa berusaha melaksanakan segala perintahNya serta berwaspada terhadap segala yang dibenci dan menjadi bahan celaanNya.